

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang dibuat oleh Kerajaan bagi menghadapi apa-apa bencana besar seperti yang berlaku dalam peristiwa banjir di Kelantan pada akhir tahun 2014 khususnya di kawasan Kuala Krai.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kejadian banjir yang telah berlaku tersebut, beberapa isu telah dikenalpasti dan memerlukan penambahbaikan menyeluruh, antara lain, adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan kompetensi dan kemahiran kepimpinan dalam agensi dan jawatankuasa di peringkat Daerah, Negeri serta Pusat seperti kaedah Perintah dan Kawalan;
- b) membangunkan keupayaan sistem amaran awal yang lebih tepat dan berkeupayaan memberi amaran dalam tempoh masa yang lebih lama;
- c) meningkatkan keupayaan aset dan logistik yang bersesuaian bagi penggunaan operasi mencari dan menyelamatkan dalam keadaan bencana ekstrem antaranya penggunaan bot berkeupayaan tinggi, *amphibious vehicle* serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi yang lebih serius;
- d) menempatkan pegawai berkemahiran dalam pengurusan bencana terutama sekali di peringkat Daerah dan Negeri bagi memastikan bencana dapat diselaras dan dikendalikan dengan lebih berkesan; dan
- e) bagi tempoh sederhana dan panjang, Kerajaan akan membina projek-projek pencegahan banjir terutama bagi projek-projek yang

mampu menghasilkan pendapatan seperti pembinaan empangan yang boleh menjana bekalan elektrik.

Selain itu, Kerajaan juga sedang mengkaji model terbaik dalam pengurusan bencana yang dipraktikkan oleh beberapa negara yang sering dilanda malapetaka untuk diguna pakai di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.